

Malaysia, Australia pulihkan hubungan

BM 19 OCT 1991

HARARE, Jumaat -- Hubungan tegang di antara Malaysia dan Australia kini pulih seperti sediakala hasil pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatnya, Encik Bob Hawke di sini, petang semalam.

Dalam pertemuan selama sejam di bilik Perdana Menteri, Encik Hawke memberi pengakuan kerajaannya akan mengasingkan diri daripada sebarang fitnah yang dilemparkan oleh media Australia dan bersedia membuat kenyataan terbuka mengenai 'pengasingan' itu jika keadaan memrlukan. Pertemuan itu diadakan atas permintaan Encik Hawke.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga bersejatu melakukan tindakan yang sama jika ada sebarang fitnah dilemparkan oleh media Malaysia.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah wartawan *The Australian*, Dennis Shanahan.

"Adalah wajar Kerajaan Australia menyedari perkara itu kerana jika tidak menahiraukannva sama sekali fitnah yang dilemparkan terhadap Malaysia, ia menunjukkan seolah-olah mereka menyokong langkah itu, lebih-lebih lagi dengan memberialasan bahawa ini adalah kebebasan akhbar.

"Kita juga percaya dengan kebebasan akhbar. Adakalannya akhbar menjadi tidak bertanggungjawab membuat fitnah dan kita tidak boleh menghalangnya. Tetapi ini bukan bermakna kita harus berdiam diri kerana saya juga perlu berterus terang menyatakan ia satu fitnah dan tidak bersejtu dengannya," katanya.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, hubungan tegang antara kedua-dua negara bermula sejak beberapa tahun lalu dan siri televisyen *Embassy* adalah antara tindakan yang digunakan untuk melempar fitnah.

"Kita tidak boleh berdiam diri, apatah lagi ia datang daripada sebuah ne-

gara yang disebut sebagai negara peramah.

"Contohnya filem *Slow Boat To Surabaya* memperlihatkan usaha terancang menunjukkan keadaan di Malaysia huru-hara ketika kerajaan mengambil tindakan menstabilkan negara pada 1987," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mendedahkan niat buruk media Australia yang dialaminya ketika ditemuramah tiga bulan selepas usaha menstabilkan negara pulih sediakala.

"Mereka tanya bagaimana keadaan sekarang. Saya jawab semuanya baik. Tetapi mereka sengaja menyiarkan babak mengenai keadaan yang tidak tenteram di Malaysia selepas kenyataan saya itu. Ini menunjukkan seolah-olah saya bercakap bohong.

"Mengapa melakukan begini? Saya tidak faham mengapa mereka harus berbuat demikian. Akhbar mempunyai kebebasan, tetapi adakah bebas untuk melemparkan fitnah?" katanya.